

AXCEL CEPHALEXIN CAPSULE

Cephalexin Monohydrate (250mg, 500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Cephalexin Capsule
2. Bagaimana Axcel Cephalexin Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Axcel Cephalexin Capsule
4. Cara menggunakan Axcel Cephalexin Capsule
5. Semasa menggunakan Axcel Cephalexin Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cephalexin Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Axcel Cephalexin Capsule

Axcel Cephalexin Capsule digunakan untuk merawat jangkitan disebabkan oleh bakteria mudah terdedah. Ia boleh diguna untuk merawat:

- Jangkitan saluran pernafasan.
- Jangkitan pada telinga, hidung dan kerongkong.
- Jangkitan pada saluran perkumuhan.
- Pencegahan jangkitan berulang saluran perkumuhan.
- Jangkitan ketika mengandung.
- *Gonorrhoea* (penyakit kelamin).
- Jangkitan pada kulit, tisu lembut dan tulang.
- Jangkitan gigi.
- Rawatan pencegahan bagi individu-individu yang menghadapi sakit jantung, menjalani rawatan gigi sebagai alternatif kepada penicillin.

Bagaimana Axcel Cephalexin Capsule berfungsi

Cephalexin adalah sejenis antibiotik yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil cephalosporin. Cephalexin bertindak membunuh atau menghentikan pertumbuhan bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum mengambil Axcel Cephalexin Capsule

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Axcel Cephalexin Capsule jika:

- Anda alergi atau hipersensitif terhadap cephalosporin.
- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat dari doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Axcel Cephalexin Capsule

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Anda alergi atau hipersensitif terhadap penisilin.
- Anda menghadapi kerosakan buah pinggang.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin bertindakbalas dengan Axcel Cephalexin Capsule anda:

- Ubat perancang oral yang mengandungi estrogen.
- Probenecid (ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat gout kronik dan artritis gout).
- Ubat nefrotoksik seperti antibiotik-gentamisin aminoglikosida (antibiotik yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria tertentu).
- Frusemide (mengurangkan penyerapan semula natrium oleh buah pinggang).

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Cephalexin Capsule dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Cephalexin Capsule

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja.

Dewasa:

Jangkitan pada dewasa akan bertindak balas dengan pengambilan 1g hingga 2g satu hari dalam dos berbahagi; walaubagaimanapun, bagi kebanyakan jangkitan, skema berikut didapati berkesan.

Dewasa dan kanak-kanak 12 tahun ke atas:

500mg 3 kali sehari.

Bagi memudahkan pesakit yang bebas bergerak, dos seharian boleh diberi dalam 2 dos yang sama, e.g. 1g 2 kali sehari bagi dewasa yang menghadapi jangkitan saluran perkumuhan. Bagi jangkitan yang teruk, terutamanya melibatkan bakteria yang kurang sensitif, dos harus ditambah kepada 1g 3 kali sehari atau 1.5g 4 kali sehari.

Kanak-kanak:

Dos umum yang digalakkan bagi kanak-kanak: 25-60mg/kg/hari. Bagi jangkitan yang kronik, dos ini perlu ditambah kepada 100mg/kg/hari (maksimum 4g/hari).

Kanak-kanak dinasihatkan mengambil dos Axcel Cephalexin - 125 Suspension kurang daripada 250mg.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Cephalexin Capsule mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

AXCEL CEPHALEXIN CAPSULE

Cephalexin Monohydrate (250mg, 500mg)

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dos Axcel Cephalexin Capsule berlebihan dalam badan pesakit boleh disingkirkan dengan *haemodialysis* dan *dialisis peritoneal*.

Anda perlu menghubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Cephalexin Capsule berlebihan.

Semasa menggunakan Axcel Cephalexin Capsule

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Cephalexin Capsule.
- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Cephalexin Capsule dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan berterusan dalam dos yang tinggi.
- Hamil atau menyusukan bayi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Cephalexin Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Gangguan gastro-usus.
- Hypersensitif termasuk ruam pada kulit, gatal-gatal, peningkatan jumlah sel darah putih, demam, reaksi yang menunjukkan penyakit serum dan anafilaksis (reaksi alahan teruk yang perlu dirawat segera).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cephalexin Capsule

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Cephalexin Capsule dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Cephalexin Capsule yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Cephalexin-250 Capsule adalah kapsul gelatin berwarna merah jambu/merah delima dalam saiz 2.

Axcel Cephalexin-500 Capsule adalah kapsul gelatin berwarna merah jambu/ungu dalam saiz 0.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:
Cephalexin Monohydrate.
- Bahan Tidak Aktif:
Lactose, Talcum Powder, Sodium lauryl Sulphate, Magnesium Sterate.

-Nombor MAL

Axcel Cephalexin-250 Capsule
MAL20014216AZ

Axcel Cephalexin-500 Capsule
MAL20014217AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
29/03/2018

Nombor siri
NPRA(R4/1)210318/00081